

## MODEL PEMBANGUNAN AKHLAK DALAM KALANGAN MAHASISWA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Wan Yusnee Binti Abdullah<sup>1</sup>, Hajar bin Opir<sup>2</sup>, Siti Amalina binti Ahmad Khairundin<sup>3</sup>  
Universiti Selangor (UNISEL)  
[wanyusnee@unisel.edu.my](mailto:wanyusnee@unisel.edu.my)

### ABSTRAK

Peranan akhlak bagi mewujudkan modal insan dan sumber manusia berwibawa tidak dinafikan. Kecanggihan infrastruktur dan ledakan teknologi canggih tidak memberi sebarang makna jika aspek akhlak dipinggirkan. Bahkan ia mendatangkan implikasi negatif dalam kelangsungan kehidupan dan pembangunan negara. Senario ini bertambah parah apabila institusi pengajian tinggi yang menjadi wahana bagi melahirkan generasi unggul gagal berfungsi. Buktinya berlaku gejala buli, menghisap ganja dan dadah, seks jenayah cyber dan jenayah berat sehingga mengakibatkan kematian. Kes kematian seorang pegawai kadet laut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada 1 Jun 2017 menjustifikasikan isu kebejatan akhlak. Justeru kajian ini sangat signifikan untuk membentuk model pembangunan akhlak dalam kalangan mahasiswa sebagai solusi. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan analisis kandungan berdasarkan metode tokoh-tokoh intelektual Islam seperti ‘Abdullah Naseh ‘Ulwan, Imam Al-Ghazali dan Luqman Al-Hakim. Hasil kajian adalah mewujudkan model pembangunan akhlak yang kontemporari dan kompeten.

**Kata kunci:** *Model, Pembangunan akhlak, Mahasiswa*

### PENDAHULUAN

Akhlak ialah elemen penting kerana ia merupakan tonggak peradaban dan tamadun manusia. Maju dan mundur sesebuah masyarakat bergantung kepada peribadi dan tingkah laku individu dalam masyarakat tersebut. Ia merupakan salah satu unsur yang menjadi teras kepada pembinaan Islam selepas akidah dan syariat. Kesempurnaan akidah dan syariat terletak kepada keluhuran akhlak; seumpama roh dan badan. Dalam konteks ini, Fathi Yakan menyatakan bahawa akhlak mulia merupakan tanda dan hasil dari keimanan yang sah. Keimanan akan melahirkan manusia yang secara sukarela menerima hakikat untuk patuh dan menyerah diri kepada Allah SWT. Hakikatnya ia adalah manifestasi keimanan yang jitu. Iman yang benar akan melahirkan tindak tanduk dan tingkah laku yang baik bukan sahaja ke atas dirinya bahkan juga kepada keluarga, masyarakat dan negara. (Fathi Yakan, 1983).

Model menurut Kamus Dewan ialah seseorang atau sesuatu yang dapat dijadikan contoh untuk ditiru atau diteladani. Pembangunan pula bererti perihal membangun atau proses membangun bagi mencapai kemajuan dan perkembangan (Ensaiklopedia Malaysiana, 1996). Ia juga didefinisikan sebagai proses membangun usaha atau kegiatan membangun (Noresah Baharom, 2007). Mustafa ‘Abdul Wahid menerangkan bahawa pembangunan boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu menegak (*akidah kepada Allah*), mendatar (*sesama manusia dan alam dalam lingkungan muamalah*) dan mendalam (*kerohanian, hati, jiwa dan roh*) (Mustafa ‘Abdul Wahid (Dr), tt).

Akhlak menurut bahasa berasal dari kalimah *al-khuluq* yang membawa empat pengertian iaitu tabiat, perangai, maruah dan agama. Akhlak juga bermaksud tingkah laku seseorang yang telah menjadi tabiat dan merupakan satu gambaran bagi menunjukkan zahir dan batin seseorang. Selain itu ia memberi maksud sifat-sifat semulajadi yang memang wujud pada dirinya sama ada ia pembawaan diri dari segi tingkah laku atau pun perangai ('Abdullah Muhammad Zain, 1992). Mahasiswa pula bererti pelajar atau orang yang sedang belajar atau berguru di universiti. Ia juga disebut penuntut. Justeru, pembangunan akhlak ialah satu proses membangunkan potensi manusia agar dapat melahirkan peribadi rabbani yang unggul bagi mencapai kemajuan dan perkembangan individu. Ia juga merupakan asas yang penting dalam proses pembangunan negara. Manusia yang buruk akhlaknya menyebabkan pembangunan negara tidak dapat dilaksanakan dengan baik (Mohd Arip bin Hj Kasmu, 2000).

Kajian ini sangat signifikan untuk mewujudkan model pembangunan akhlak sebagai alternatif yang mapan bagi melahirkan mahasiswa/i yang berkualiti yang seimbang dan bersifat holistik. Ia berasaskan analisa kandungan terhadap metode akhlak yang diutarakan oleh beberapa tokoh intelektual Islam silam dan kontemporari.

## METODE PEMBANGUNAN AKHLAK OLEH INTELEKTUAL ISLAM

Kajian ini akan menganalisa tiga tokoh intelektual Islam yang berorientasiakan kepakaran mereka dalam bidang akhlak.

Bil	Intelektual	Metode Pembangunan Akhlak
1.	'Abdullah Naseh 'Ulwan	i) Pengikatan akidah ii) Contoh teladan iii) Kebiasaan iv) Bimbingan dan Nasihat vi) Pengamatan / observasi
2.	Al-Ghazali	i) Tazkiyyah al-Nafs (pembersihan jiwa) ii) Mujāhadah (melawan hawa nafsu) iii) Amal kebaikan iv) Membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlaknya
3.	Luqman Al-Hakim	i) doktrin akidah ii) melazimi ibadah iii) <i>murāqabatullāh</i> (pengawasan diri terhadap Allah)

### 2.1 Metode 'Abdullah Naseh 'Ulwan

Beliau menggagaskan lima (5) metode pembangunan akhlak berdasarkan integrasi pentaakulan kognatif dan naqli.

#### i. Pengikatan akidah

'Abdullah Nāseh 'Ulwān meletakkan asas kekuatan akidah sebagai asas pertama dalam pembangunan akhlak. Generasi yang kuat adalah berteraskan kepada keyakinan

yang kukuh terhadap sesuatu ideologi atau kepercayaan. Ia berasaskan kepada rukun iman dan Islam yang mapan. Dari situlah lahirnya pemikiran dan tindakan. Sirah Rasulullah SAW menjadi bukti nyata bagaimana baginda meletakkan asas akidah sebagai titik tolak kepada pembinaan peribadi muslim ('Abdullah Naseh 'Ulwan, 1998). Agenda ini menjadi misi utama dalam seruan dakwah mereka kepada setiap kaumnya. Firman Allah SWT;

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ

Maksudnya: *Dan sesungguhnya kami utuskan semua para rasul untuk menyampaikan kepada kaumnya agar menyembah Allah SWT dan menjauhi taghut.*

Surah al-Nahl :16 : 36.

## ii. Contoh Teladan

Aspek kedua adalah melalui contoh dan teladan. Sesuatu perkara sukar untuk diikuti sekiranya tiada role model yang akan dijadikan sebagai idola kehidupannya. Bahkan peniruan ini berlaku secara langsung tanpa paksaan. Manusia mudah untuk meniru apa sahaja bentuk perlakuan berbanding dengan kata-kata. Walaupun setiap manusia Allah SWT telah sediakan dalam jiwanya pancaran fitrah yang suci dan bersih tetapi potensi ini tidak akan berkembang baik sekiranya tiada sesiapa yang memberi contoh teladan yang baik, bahkan akan berlaku sebaliknya sekiranya ia bertemu orang yang rosak peribadinya.

Justeru, contoh dan teladan yang baik sangat penting dalam pembinaan peribadi mulia terutamanya dalam aspek efektif, kognatif dan psikomotor. Contohnya sifat murah hati, tawaduk, sopan santun, zuhud, berani, tegas, bijaksana, taat dan patuh. Dalam konteks ini para nabi dan rasul, sahabat RA dan salafus soleh boleh dijadikan tokoh contoh yang perlu diikuti dan diteladani sepanjang masa. Benarlah seperti kata sebuah syair arab yang menyatakan perlunya seseorang itu menyediakan dirinya dengan ilmu pengetahuan sebelum menyeru dan mendidik orang lain.

## iii. Kebiasaan

Metode kebiasaan bermaksud pembentukan suasana yang baik secara konsisten agar lahirlah kelaziman dalam tindak tanduknya. Memang manusia dilahirkan dengan fitrahnya yang suci tetapi tanpa adanya kebiasaan yang dilatih secara berterusan maka sifat tersebut akan pudar dan hilang. Bahkan akan diselaputi dengan karat jahiliah, dijangkiti dengan penyakit yang buruk dan bersarang sifat tercela lalu ia akan membesar sehingga menjadi seorang yang sombong, liar dan buas serta hanyut dalam kesesatan kerana menyangka dirinya mulia. Oleh kerana manusia terdedah dengan pelbagai perkara yang ada di sekelilingnya dan secara tidak langsung akan mempengaruhi pemikiran, jiwa, emosi dan tindakan maka ia memerlukan suasana yang akan membiasakan dirinya membentuk peribadi yang mulia.

iv. Bimbingan dan nasihat

Nasihat dan bimbingan merupakan cara yang berkesan dalam membentuk manusia dari segi keimanannya dan menyediakan dirinya dari sudut moral dan mental, rohani dan sosial. Antara kesan yang lahir adalah mampu memperkenalkan sesuatu hakikat dengan cepat, meyakini prinsip-prinsip Islam, mendorong ke arah melakukan urusan penting dan melengkapkan diri dengan adab yang mulia. Justeru jika kita memperhatikan al-Qur'an banyak ayatnya yang berulang-ulang dalam topik dan peristiwa yang berbeza yang menunjukkan arahan Allah SWT agar manusia mengambil pengiktibaran kerana di dalamnya terkandung petunjuk dan bimbingan.

Sesungguhnya bimbingan yang ikhlas dan nasihat yang berkesan yang ditujukan kepada jiwa yang bersih, hati yang jujur, akal yang waras dan sihat tentulah mudah untuk diterima dan memberi kesan yang hebat kepada jiwa tersebut. Namun dalam hal ini juga pendekatan nasihat dan bimbingan yang betul akan mudah diterima dan perubahan juga akan lebih positif. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW mengingatkan agar proses memberi nasihat ini boleh disertai dengan senda gurau yang tidak melampau, mestilah berhemah, sentiasa melihat suasana dan kondisi, sentiasa cermat, memberi keterangan dengan jelas dan terang serta tidak berbelit-belit.

v. Pemerhatian atau observasi

Ia bererti pemantauan secara berterusan berkaitan perkembangan yang berlaku samada aspek ilmu, kerohanian, intelektual, emosi dan fizikal. Memastikan agar mereka melaksanakan semua perintah Allah SWT tanpa sebarang kelalaian dan menegah daripada melakukan sesuatu yang dilarang di samping memperbetul dan menegur setiap kesilapan dengan cara yang berhikmah. Justeru, guru mestilah mengambil berat tentang semua perkembangan yang melingkungi mereka kerana keperluan kepada pengawasan yang berterusan dan mendampingi kegiatan yang mereka lakukan agar langkah pencegahan dapat dibuat pada peringkat awal lagi.

## 2.2 Metode Al-Ghazali

Al-Ghazali mengemukakan empat (4) metode pembangunan akhlak yang bersifat komprehensif menggabungkan elemen internal dan external.

i. Tazkiyyah al-Nafs

Dalam metode pertama beliau meletakkan *tazkiyyah al-nafs* iaitu pembersihan jiwa sebagai kunci pertama dan utama bagi membentuk akhlak yang terpuji. Hati manusia ibarat raja di dalam badan dan anggota lain umpama tentera yang akan menerima arahan bagi melakukan tindakan. Jika hati seseorang itu bersih maka sudah tentu ia akan memberi arahan yang baik untuk dilakukan. Jika tidak maka arahan tersebut akan dikuasai unsur negatif maka tindakan anggota adalah bersifat keburukan (Abu Hamid Muhammad al-Ghazali, 1998).

Oleh sebab itulah beliau memandang serius perkara ini dan perlunya jiwa itu dibersihkan terlebih dahulu kerana ia akan membentuk asas yang kukuh kepada metode seterusnya. Justeru, dalam konteks ini segala unsur negatif seperti sifat marah,

syahwat dan emosi perlu dikawal dan dikekang agar ia akan mengikut petunjuk ilahi bukan menjerumuskan manusia ke lembah kehinaan. Di samping itu, perlunya menyuburkan jiwa dengan sifat sabar, taubat, amanah, bertanggungjawab, berfikiran luas, hikmah, tawaduk, ikhlas, cintakan Allah SWT dan sebagainya. Dengan erti kata lain membuang sifat keji (*mazmumah*) dan menghiasi diri dengan sifat terpuji (*mahmudah*).

Menurut Zakaria Stapa tazkiyyah al-nafs ini merupakan satu proses pendidikan sepanjang hayat untuk mengesahkan bahawa potensi takwa mampu sentiasa menang dan mengatasi potensi negatif iaitu fujur. Hasilnya seseorang itu akan menghayati syariat, menjaga dan mempertahankan takwa dalam segenap kehidupannya (Zakaria Stapa, 1999). Dalam konteks ini skop tazkiah merangkumi dua dimensi iaitu pertama taklif suruhan dan kedua taklif larangan. Taklif suruhan adalah semua amalan soleh yang dapat memberi kesan secara langsung dalam usaha pembersihan jiwa seperti solat, puasa, tilawah al-Qur'an, zikir, tafakur, mengingati mati, koreksi diri (*muhasabah*), mendekati diri kepada Allah SWT (*muraqabah*), melawan hawa nafsu (*mujahadah*), menyuruh kebaikan (*amar ma'ruf*) dan menegah kemungkaran (*nahi mungkar*), *tawaduk* dan rendah diri. Semua ini mestilah dilakukan sehingga ke peringkat ehsan. Manakala taklif larangan adalah proses pencegahan yang bersangkutan dengan tujuh anggota lahir manusia iaitu mata, telinga, lidah, perut, organ seks, tangan dan kaki. Ia perlulah dibersihkan daripada perlakuan yang bertentangan dengan syariat Islam.

#### ii. Mujahadah

Mujahadah bermaksud melawan hawa nafsu. Ia merupakan kesinambungan kepada metode sebelum ini dan sangat penting. Fokus metode ini adalah melawan semaksimum mungkin sifat *mazmumah* agar ia menjadi stabil dan dapat diarahkan kepada pembinaan peribadi yang luhur. Sifat *mazmumah* tidak boleh dibuang daripada hati manusia kerana ia kurniaan dari Allah SWT yang membezakan manusia dengan haiwan. Namun dalam hal ini beliau memberi perhatian yang sangat mendalam untuk melakukan mujahadah yang berterusan berasaskan kekuatan jiwa yang jitu untuk menghadapi sifat *mazmumah* tersebut berdasarkan kepada keluasan ilmu pengetahuan dan pengendalian yang berhikmah serta tahap kesabaran yang tinggi.

#### iii. Amal kebaikan

Metode ketiga yang membentuk keperibadian insan adalah melakukan amal kebaikan secara konsisten dan berterusan. Setelah melakukan mujahadah ia perlu disusuli dengan melakukan kebaikan secara berterusan agar ia membentuk suatu kebiasaan yang akhirnya menjadi tabiat kehidupannya. Asas kepada aspek ini adalah melakukan ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji di samping melakukan kebaikan sesama manusia, alam dan haiwan. Solat mampu menyediakan diri secara teratur dalam tempoh tertentu untuk ditunaikan. Puasa melahirkan jiwa yang luhur yang dibentuk dan dilentur sepanjang sebulan bagi menghadapi cabaran bulan-bulan seterusnya. Haji pula adalah klimaks kepada pembentukan rohani dan pengorbanan menifestasi daripada ibadah yang dilakukan secara kekal. Beliau menegaskan langkah utama dalam menggerakkan potensi ini adalah menanamkan kecintaan kepada Allah SWT dalam jiwa manusia. Dengan erti lain keghairahan untuk melakukan kebaikan

adalah atas dorongan dan rangsangan kerana ingin mendapatkan keredhaan Allah SWT semata-mata. Justeru setiap insan akan sentiasa bermotivasi untuk melakukan kebaikan samada amalan zahir atau tersembunyi. Ia meyakini dan menghayati bahawa Allah SWT memiliki sifat-sifat kesempurnaan yang sentiasa mengawasi pergerakan dan perlakuan semua makhluknya.

iv. Membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlakunya

Dalam metode keempat beliau telah meletakkan satu asas yang agak unik iaitu melakukan sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk. Misalnya sifat sabar daripada sifat marah, amanah daripada khianat, syukur daripada sombong dan lain-lain lagi. Situasi ini secara psikologinya memerlukan seseorang berfikir positif untuk mendorongnya meninggalkan sifat mazmumah yang ada pada dirinya secara bertentangan. Ini akan menjadikan seseorang itu secara bertahap cuba mengubah gaya kehidupannya ke arah nilai positif tetapi dalam kondisi yang berterusan.

### 2.3 Metode Luqman Al-Hakim

Luqman al-Hakim pula membentangkan tiga metode pembentukan akhlak berdasarkan surah al-Luqman ayat 12 hingga 19 ('Abdul Rashid Ahmad, 2003).

i. Doktrin akidah

Menurut 'Abdul Rashid Ahmad akidah merupakan persoalan terpenting dalam kehidupan seorang muslim. Ia menjadi asas atau tapak bagi pembinaan Islam keseluruhannya. Dari sudut yang lain, ia juga dapat disifatkan sebagai benteng yang paling teguh bagi menjaga dan mengawasi segala bentuk penyelewengan, penyesatan dan syak wasangka yang mungkin menyerang pemikiran seseorang Islam. Tanpa akidah hidup seseorang bagaikan bulu ditiup angin, terumbang-ambing, tiada arah tuju, tidak tetap dan tidak teguh pendirian. Bahkan lebih teruk hidup manusia laksana haiwan rakus atau binatang buas yang ganas yang tidak mengenal batas dan tidak mampu disekat oleh sebarang peraturan ('Abdul Rashid Ahmad, 2003).

Dalam konteks ini, Luqman al-Hakim memulakan nasihat kepada anaknya dengan membentuk supaya menjauhi diri daripada melakukan syirik kepada Allah SWT. Jiwa yang suci murni mestilah bersih daripada sebarang punca kerosakan dan kesesatan. Antara punca kerosakan akidah adalah syirik. Ini bererti memberi gambaran yang jelas bagi pembentukan asas kepercayaan yang sejahtera dan keyakinan yang jitu terhadap keagungan dan kebesaran Allah SWT. Tiada sebarang kesamaan atau bandingan dari sudut kekuasaan, sifat atau perbuatan. Elemen akidah ini sangat memberi kesan terhadap pembentukan tindak tanduk dan keperibadian seseorang ('Ali Abdul Halim Mahmud (Dr), 1992). Ia mampu mengenali hakikat dirinya, memahami tujuan dan matlamat kehidupannya dan menghayati tugas serta kewajipan dalam kelangsungan hidupnya. Akidah Islam mempunyai keistimewaan yang unik dan berbeza dengan kepercayaan atau agama lain. Ia bersifat *rabbaniyyah* (dari Allah SWT), jelas, fitrah, tetap, berasaskan bukti, pertengahan, tunggal dan menyeluruh. Kesan akidah dapat mendidik insan membentuk keperibadian yang mulia seperti keberanian, kesabaran, ketabahan dan tawakkal kepada Allah SWT apabila berhadapan dengan kesusahan mahupun kesenangan. Ini disebabkan keyakinan yang

tinggi bahawa Allah SWT akan sentiasa memberi kekuatan dan membimbingnya ke arah kebaikan. Selain itu, ia melahirkan insan yang merdeka dengan erti yang sebenarnya di samping mempunyai pandangan yang luas, berhemah tinggi dan berwawasan. Ia percaya dan yakin bahawa tiada yang lebih bebas melainkan keterikatannya kepada Allah SWT bukan kepada makhluk lain. Ia bebas dari belenggu kebendaan, nafsu yang jahat dan dorongan naluri yang negatif. Semua ini akan menggerakkan segala tenaga, buah fikiran dan harta benda ke arah melaksanakan amar ma'ruf dan meninggalkan kemungkaran.

## ii. Melazimi ibadah

Melazimi Ibadah bermaksud menjadikan Allah SWT sebagai tempat tumpuan penyembahan dan menolak segala yang lain daripadaNya ('Ali Abdul Halim Mahmud (Dr), 1992). Ia juga diertikan sebagai segala apa yang disukai dan diredhai Allah SWT mencakupi perkataan, perbuatan dan semua amalan zahir dan batin. Ia bukan hanya terbatas kepada soal penyembahan semata-mata seperti solat, puasa, zakat, haji tetapi merangkumi segala perbuatan baik samada kepada diri sendiri, manusia, haiwan dan alam juga mencintai Allah SWT dan rasul, takut dan taubat serta bersabar terhadap ujianNya. Ia mempunyai definisi yang mendalam kerana ia merupakan pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah SWT dalam segenap urusan kehidupannya.

Malah, ia mempunyai ciri yang unik kerana wujudnya kesepaduan antara kepentingan dunia dan akhirat serta menghubungkan antara langit dan bumi. Tiada satu pun antara ibadah Islam yang hanya menjurus ke alam langit dan terlepas daripada alam bumi. Namun semuanya akan mengarah kepada penyembahan yang hakiki iaitu hanya kepada Allah SWT secara selaras dan seiringan untuk mengatur kehidupan duniawi dan menegakkannya di atas dasar kebenaran, keadilan dan kesejahteraan. Justeru tidak wujud dua jalan yang berbeza iaitu satu jalan khusus ke akhirat yang dinamakan ibadah dan satu jalan lagi untuk dunia yang dinamakan kerja. Sebaliknya dalam Islam hanya satu jalan yang bermula dari dunia dan berakhir di akhirat. Itulah satu-satunya jalan yang tidak membezakan antara kerja dengan ibadah yang mengikat antara tubuh dan jiwa, dunia dan akhirat yang terjalin dalam bentuk dan tatacara yang harmonis bagi setiap insan. Dalam konteks ini, secara langsung Luqman al-Hakim menyuruh anaknya menunaikan solat. Solat adalah salah satu ibadah yang perlu dilaksanakan oleh setiap muslim. Ia bukan dilihat sebagai lambang agama tetapi ia mempunyai keistimewaan yang unggul sesuai dengan kesyumulan Islam itu sendiri. Kedudukan solat ini disinggung secara langsung oleh Allah SWT samada melalui ayat-ayat al-Qur'an mahupun sunnah Rasulullah SAW yang memberi perhatian yang berat dan serius tentang perintah solat.

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ

Maksudnya: *Wahai tuhanku jadikan aku orang yang mendirikan solat dan juga zuriat keturunanku. Wahai tuhan kami perkenankanlah doa permohonanku.*

(surah Ibrahim: 14: 40)

Sebaliknya ancaman yang keras ditujukan kepada orang yang mencuaikan kewajipan solat. Antara dalil dalam al-Qur'an adalah doa nabi Ibrahim tentang solat

(Ibrahim: 40), perintah ibadah pertama kepada nabi Musa oleh Allah SWT (Toha: 14), solat mesti dilakukan dalam semua keadaan sama ada musafir, sakit atau perang (Al-Baqarah: 238-239), ancaman kepada orang yang mencuaikan solat (Maryam: 69) dan solat merupakan antara sifat utama bagi orang bertakwa (Al-Baqarah: 3). Manakala antara dalil sunnah adalah solat merupakan amalan hamba pertama yang dihisab di akhirat dan ia adalah garis pemisah antara muslim dan kafir (Abu 'Isa Muhammad ibn Isa ibn Sarwah, *Sunan al-Tirmidhi*).

Solat merupakan media utama hubungan manusia dengan Allah SWT secara langsung tanpa perantaraan yang mampu menyuburkan keimanan seseorang. Ini sangat berbeza dengan sembahyang yang dilaksanakan oleh agama lain. Bahkan dalam solat semua elemen rukun iman secara bersepadu dapat dihayati bermula dengan takbiratul ihram sehinggalah salam. Justeru, solat adalah menifestasi kepada keimanan kepada Allah SWT dan perkara ghaib. Di antara kesan ibadah solat ini dalam pembentukan keperibadian seseorang insan adalah melahirkan individu yang tenang jiwanya. Para doktor jiwa hari ini sepakat menyatakan bahawa rawatan kepada pesakit jiwa sememangnya memerlukan kesanggupan seseorang untuk menyatakan atau meluahkan perasaannya kepada orang lain tentang gangguan atau masalah yang dihadapi. Ini kerana sikap menyembunyi atau memendam perasaan duka dalam hati akan bertambah parah (Hamid al-Ghawabi (Dr), 1957).

Maka orang yang bersolat secara langsung akan bermonolog dengan Allah SWT berkaitan segala perkara terutamanya perasaan dukacita, kecewa, kesal dan susah. Justeru ini akan menjadikan jiwanya tenang kerana segala permasalahannya diluahkan kepada tuhanNya yang tidak akan membongkarkan pula kepada orang lain. Selain itu, solat dapat membentuk individu yang mempunyai ketahanan fizikal, mental dan rohani yang kental sehingga mampu melaksanakan amal ma'ruf dan berani mencegah kemungkaran. Pada masa yang sama juga solat dapat mencegah seseorang dari melakukan kemungkaran. Justeru metode ibadah dalam contoh ini adalah solat mampu membentuk peribadi dan akhlak yang mulia.

### iii. Muraqabatullah

*Murāqabatullah* ialah pengawasan diri terhadap Allah SWT. Menurut al-Ghazali muraqabah ialah pengawasan diri terhadap zat yang menjaga dirinya dan menumpukan perhatian yang bersungguh-sungguh kepadaNya. Apa yang dimaksudkan dengan *muraqabah* di sini adalah sifat dan keadaan hati yang dihasilkan oleh kemakrifatan kepada Allah SWT. Kemudian keadaan itu pula membuahkan pelbagai amalan dalam anggota tubuh yang luar dan dalam. Ertinya keadaan hati yang selalu mengawasi zat yang maha menjaganya dan terus menerus menumpukan perhatian terhadap yang maha ditakutinya itu. Manakala yang berhubung dengan kemakrifatan ialah mengetahui bahawa Allah SWT maha memeriksa segala yang disembunyi dan dirahsiakan. Dialah juga sebagai peneliti segala kelakuan hambaNya yang menjaga setiap diri manusia dan lainnya tentang apa sahaja yang dilakukan.

*Muraqabatullah* atau pengawasan diri terhadap Allah SWT memberi kesan yang sangat positif kepada pembangunan akhlak. Ia adalah satu cara yang efektif untuk seseorang individu sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap perkara samada bersifat fizikal, cara berfikir, perasaan atau jiwa. Ia merangsang jiwa agar




sentiasa waspada bahawa Allah SWT maha memerhati, maha melihat dan maha mengetahui segala rahsia yang dapat dijangkau oleh pandangan kasar manusia atau bisikan hati yang tersimpan dalam dada manusia. Rentetan daripada itu, lahirlah sifat ikhlas dalam setiap tindakan dan perlakuan kerana ia merupakan pra-syarat utama segala amalan untuk diterima oleh Allah SWT. Dengan itu lahirlah peribadi yang sentiasa terikat hati kepada Allah SWT, tunduk dan patuh kepadaNya dan menyedari bahawa segala amalan walau bagaimana baik sekalipun tidak akan diterima oleh Allah SWT melainkan diiringi dengan keikhlasan. Malahan ia akan melahirkan peribadi yang sentiasa memperbetulkan diri untuk membangun akhlak yang mulia seperti sabar, syukur, *qana'ah*, taubat, bertanggungjawab, amanah dan redha sebaliknya menghindari perilaku yang keji seperti hasad dengki, dendam, cinta harta dan dunia, mengadu domba dan menipu.

## MODEL PEMBANGUNAN AKHLAK KONTEMPORARI

Bersadarkan perbahasan metode pembangunan akhlak daripada intelektual silam dan kontemporari pengkaji merumuskan kepada enam (6) metode yang boleh dijadikan model dan digunakan bagi pembentukan akhlak dalam kalangan mahasiswa seperti rajah 1.

Rajah 1.



### i. Kerangka Model Pembangunan Akhlak

Setiap model pembanguna akhlak ini mempunyai kerangka yang unik merangkumi empat komponen utama bagi memudahkan pengukuran dalam perlaksanaan. Berikut adalah komponen yang terlibat.

Model	Ojektif	Kandungan	Wasilah	Uslub
Doktrin Tauhidik	√	√	√	√
Praktikal Ibadah	√	√	√	√
Uswah Hasanah	√	√	√	√
Ta'widiah	√	√	√	√

Mau'izah	√	√	√	√
Thawab	√	√	√	√

## KONKLUSI

Enam (6) model pembangunan akhlak yang hasilkan mampu menjadi landasan untuk melahirkan mahasiswa/i yang berkualiti dan kompeten. Ia mengandungi objektif, kandungan, wasilah dan uslub. Pengoperasian modul tersebut bersifat anjal berasaskan situasi dan kondisi yang sesuai.

## RUJUKAN

'Abdul Rashid Ahmad. (2003). *Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Abdullah Muhammad Zain. (1992). *Al-Akhlaq al-Islamiyyah Wa Atharuha fi Bina' al-Mujtama'* (Vol. 1). Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

'Abdullah Naseh 'Ulwan. (1998). *Tarbiyyatul al-Awlad*. Kaherah: Dar al-Salam.

Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. (1998). *Ihya' Ulumuddin*. Kaherah: Maktabah Misr.

'Ali Abdul Halim Mahmud (Dr). (1992). *Tarbiyyah Al-Nasyi' al-Muslim*. Dar al-Wafa' li al-Taba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi'.

*Ensaiklopedia Malaysiana*. (1996). Anzagain Sdn. Bhd.

Fathi Yakan. (1983). *Madha Ya'ni Intimai Li al-Islam* (10 ed.). Beirut: Muassasah al-Risalah.

Hamid al-Ghawabi (Dr). (1957). *Liwa' al-Islam* (Vol. 5).

Mohd Arip bin Hj Kasmu. (2000). *Pembangunan Insan Melalui Pendekatan Al-Quran Dan Sains: Membina Keyakinan Muslim Terhadap Al-Quran Menerusi PASAQ* (Vol. 16). Bandar Baru Bangi: PST Enterprise Sdn. Bhd.

Mustafa 'Abdul Wahid (Dr). (tt). *Al-Mujtama' Al Islamiyyah* (2 ed.). Beirut: Dar al-Jalil.

Noresah Baharom. (2007). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* (Vol. 4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zakaria Stapa. (1999). *Akidah dan Akhlak dalam kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

